

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang memberikan peluang perniagaan kepada para belia dan belianis untuk memulakan kerjaya dalam bidang perniagaan, pertanian, perladangan, perindustrian dan pelancongan?
- b) Apakah inisiatif yang Kerajaan Negeri bakal lakukan bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan yang berlaku di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan program untuk memberi peluang perniagaan kepada para belia dan belianis iaitu di bawah Program Hijrah Selangor yang telah bermula pada Mac 2015.

Program ini merupakan program Mikrokredit Bersepadu bertujuan untuk melebarkan golongan kelas menengah di Negeri Selangor melalui penyaluran modal. Modal ini disalurkan secara efisien kepada golongan kurang berkemampuan yang layak dan penjaja serta peniaga-peniaga kecil yang terlibat di dalam bidang perniagaan, pertanian, perladangan, perindustrian dan pelancongan. Dalam memastikan matlamat program ini tercapai, Hijrah Selangor telah menawarkan 2 jenis skim pinjaman iaitu :

- i) Pinjaman berbentuk modal tambahan (RM1,000,00 - RM50,000.00); dan
  - ii) Pinjaman Zero To Hero HIJRAH Selangor memilih dan melantik *Anchor Company* yang berpotensi untuk melaksanakan *system mentoring* (melatih dan memantau). Usahawan akan diberikan latihan dan peralatan perniagaan untuk memulakan perniagaan dengan nilai maksimum RM5,000.00 dengan pemantauan selama 6 bulan daripada *Anchor Company*.
- 
- b) Sasaran Kerajaan Negeri tahun 2019 adalah untuk menurunkan kadar pengangguran kepada 2.5%.

Untuk pengetahuan Dewan, kadar pengangguran di Negeri Selangor telah menurun seperti berikut:

Tahun	Kadar pengangguran (15 hingga 64 tahun) (%)
2017	3.2%
2018	3.0%
<b>2019</b>	<b>2.4%</b>

Sumber: Survei Tenaga Buruh, 207-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kejayaan ini adalah hasil kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memberi peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Selangor.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan di Selangor ialah dengan mengadakan program-program seperti berikut:

### **1. Program *Selangor Job Fair***

Oleh demikian, sasaran Kerajaan Negeri untuk Program *Selangor Job Fair* pada tahun 2020 adalah untuk menurunkan sebanyak mungkin lagi kadar pengangguran negeri dengan lebih memberi fokus kepada perkara berikut :

- i. Menghimpunkan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan lebih-lebih lagi syarikat yang menawarkan pekerjaan berasaskan ‘Gig ekonomi’. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ MB pada sidang Belanjawan #Selangor 2020, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat ‘e-hailing’ seperti GRAB, Food Panda atau DEGO yang bakal memberi peluang pekerjaan di dalam ‘gig ekonomi’ kepada hampir 3,000 anak muda dan graduan di seluruh Selangor terutama golongan yang layak. Ia juga dapat membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan di kalangan warga tempatan;
- ii. Melaksana dan merancang beberapa siri program *Selangor Job Fair* dalam bentuk **skala besar** iaitu ***Selangor Mega Job Fair*** dan

- pelaksanaan **Jelajah Karnival Kerjaya Selangor** di Peringkat daerah atau DUN yang dikenal pasti; dan
- iii. Pihak Kerajaan akan mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO untuk melaksanakan program-program bagi memastikan kadar penganguran dapat kurangkan lagi dan kebolehpasaran anak muda atau graduan dapat dipertingkatkan.

## **2. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Melalui pelaksanaan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) iaitu Kerajaan Negeri telah mengadakan kerjasama strategik dengan sektor industri bagi memastikan kebolehpasaraan belia seiring dengan kehendak industri dengan menawarkan kursus seperti *aerospace industrial immersion*, *aerospace skilled*, jurukimpal dan perantis MRO iaitu bidang penyelenggaran pesawat.

## **3. KPS Entrepreneurship Development Programmes**

program latihan kemahiran keusahawanan atau KPS Entrepreneurship Development Programmes dilaksanakan oleh Kumpulan Peransang Selangor Berhad bertujuan untuk membantu golongan yang belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkatkan pengetahuan dengan menyediakan latihan kemahiran dan bimbingan berterusan untuk membantu mereka menjana pendapatan bulanan melebihi RM1,000.00 dan meningkatkan status ekonomi mereka.

Selain program di atas banyak lagi program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membantu para graduan mendapatkan pekerjaan serta memberi pendedahan kepada graduan dalam aspek realiti dan cabaran masa depan graduan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BENCANA ALAM**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah bilangan unit rumah dan lokasinya di sekitar Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tempat tinggal semasa bencana alam berlaku.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : WARGA ASING**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang bakal Kerajaan Negeri lakukan bagi mengatasi masalah lambakan warga asing ini dari terus berlaku?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi mengekang dan mengawal lambakan warga asing di negara ini khususnya di Negeri Selangor.

Pemeriksaan ke atas warga asing ini turut melibatkan agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain lagi. Sebarang ketidakakuruan terhadap undang-undang , tindakan penguatkuasaan oleh agensi berkaitan turut dikenakan termasuk pendakwaan di mahkamah mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Sepanjang tahun 2019, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor telah menjalankan operasi sebanyak 937 operasi yang melibatkan pelbagai agensi dalam mengatasi lambakan warga asing dari masa ke semasa. Penguatkuasaan yang berterusan oleh JIM dan agensi-agensi yang berwajib dapat mengurangkan lambakan warga asing terutamanya PATI yang berada di negara ini di samping dapat memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang bakal Kerajaan Negeri lakukan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar di sini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar di negeri ini. Antaranya dengan memulihara kepelbagaiannya biologi dan hutan simpan kekal serta pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air serta flora dan fauna.

Sehingga kini, kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di Negeri Selangor adalah berjumlah  $\pm 250,207.52$  ha. Ini adalah bersamaan dengan 31.7% daripada keluasan tanah negeri. Malahan, beberapa usaha sedang dilaksanakan bagi menambah keluasan HSK di Negeri Selangor dengan mengenalpasti dan mewartakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dijadikan HSK.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium Ke Atas Pembalakan selama tempoh 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalanraya, bekalan air dan sebagainya.

Negeri Selangor juga merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkauaskan Kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Pelbagai program dan aktiviti telah dan akan dilaksanakan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor; PERHILITAN Selangor; Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor; Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia,

Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Program Pembangunan Pengukuhan Sumber Hutan;
- ii) Program Pemuliharaan dan Kelestarian Alam Sekitar;
- iii) Central Forest Spine (CFS);
- iv) Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Kawasan Hutan Terosot dan Kawasan Hutan Paya Laut (Penanaman dan Rawatan);
- v) Program Pembersihan Sungai dan Pantai;
- vi) Program Pemuliharaan Habitat Kelip-kelip;
- vii) Hari Alam Sekitar Sedunia;
- viii) Karnival Hari Tapir Sedunia; dan
- ix) Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BUDAYA MEMBACA**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan yang sedang atau bakal dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), setiap tahun sentiasa merancang program-program bagi mengalakkan budaya membaca serta mempelbagaikan penyampaian ilmu.

Antara program-program dan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 bagi untuk meningkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
1.	SEMINAR SKOR A	10 – 12 FEBRUARI 2020
2.	PESTA BUKU SELANGOR 2020	27 FEB – 8 MAC 2020
3.	JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT	23 APRIL 2020
4.	PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN BRAILLE	9 MEI 2020/ 16 RAMADHAN 1441H
5.	WORLD #QURAN HOUR 1441	20 RAMADHAN 1441H/ 13 MEI 2020
6.	FESTIVAL BUKU KANAK-KANAK 2020	2 – 5 JULAI
7.	MEMORI KEMERDEKAAN	16 OGOS 2020
8.	MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2020	1 – 7 OGOS 2020
9.	MALAYSIA #QURAN HOUR	28 OGOS 2020
10.	PESTA BUKU @ KUALA LANGAT	24 – 27 SEPTEMBER 2020

BIL	BUTIRAN PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
11.	BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) 2020	29 – 30 OKTOBER 2020
12.	HARI SAINS SEDUNIA	10 NOVEMBER 2020

### CADANGAN PROGRAM BARU TAHUN 2020

BIL	BUTIRAN PROGRAM/AKTIVITI	BULAN	TAHUN 2020 (CADANGAN)
1.	BENGKEL BULANAN FALSAFAH	4 KALI SETAHUN	(JAN / APR / OGOS / OKT)
2.	KEM FALSAFAH SEKOLAH-SEKOLAH SELANGOR	1 KALI	
3.	ULASAN BUKU BULANAN	4 KALI SETAHUN	(FEB / MEI / SEPT / NOV)
4.	SEMINAR BULANAN ETNOSAINS MELAYU	3 KALI	MAC / JUL / OKT
5.	SEMINAR PEMIKIRAN ISLAM PASCA 1700M	3 KALI	APR / OGOS / NOV
6.	SEMINAR PEMIKIRAN EROPAH/ BARAT MODEN DAN PASCA MODEN	3 KALI	FEB / JUN / SEPT
7.	SEMINAR PERMIKIRAN ASIA	3 KALI	JAN / JUL / DIS
8.	JARINGAN PERPUSTAKAAN RUMAH SELANGOR	3 KALI	FEB / MEI / OGOS

#Program dan aktiviti ni tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GOLONGAN PETANI DAN NELAYAN**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan petani, nelayan dan rakyat keseluruhannya yang berdepan dengan isu kos sara hidup yang tinggi mutahir ini?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai sebuah negeri yang prihatin, golongan petani, penternak dan nelayan tidak pernah dilupakan untuk membantu mereka meningkatkan hasil dan seterusnya boleh meningkatkan pendapatan mereka.

Bagi tujuan tersebut, beberapa langkah telahpun diambil untuk dilaksanakan berteraskan kepada Dasar Pertanian Selangor iaitu :-

1. Pertanian Bernilai Tinggi;
2. Pemodenan Pertanian;
3. Pemasaran;
4. Pembangunan Agropreneur; dan
5. Agro Pelancongan.

Melalui pelaksanaan dasar tersebut, golongan pengusaha di sektor pertanian akan diberikan insentif atau bantuan bagi meringankan beban mereka seperti bantuan peralatan, input-input pertanian dan baka ternakan.

Di bawah Program Pemasaran pula terdapat Program Selangor Agro Market atau SAM yang mana objektif utama pelaksanaan program tersebut adalah untuk memastikan hasil golongan pengusaha sektor pertanian dapat dijual secara terus kepada pengguna pada harga yang lebih tinggi daripada jualan kepada orang tengah dan dalam masa yang sama, penggunaan akan dapat membeli pada yang lebih rendah.

Dalam pada itu, bagi memastikan dasar tersebut dapat dicapai, satu garis panduan telah telah diwujudkan iaitu Pelan Trasformasi Pertanian Agro Selangor atau PeTA yang merangkumi 6 perkara penting iaitu :-

1. Dasar Pertanian Negeri Selangor;
2. Sasaran;
3. Inisiatif;
4. Sumber;
5. Gari Masa (*Timeline*); dan
6. Peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BIDANG PERTANIAN**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tawaran yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk belia di Selangor untuk menceburi bidang makanan dan pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat memberikan perhatian terhadap penglibatan golongan muda di sektor pertanian. Pada ketika ini telahpun terdapat ramai golongan muda yang terlibat di dalam sektor pertanian khususnya bidang tanaman.

Bagi menarik lebih ramai lagi golongan tersebut menceburi sektor pertanian, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan drastik untuk mewujudkan beberapa projek-projek pertanian yang boleh dijadikan sebagai inkubator (*training ground*) untuk memberikan kemahiran dan dalam masa yang sama mereka boleh mempelajari kaedah pemasaran yang efektif dan menguntungkan.

Begitu juga dengan penggunaan peralatan-peralatan moden dan berteknologi tinggi untuk tujuan pertanian di mana kaedah *precision agriculture* atau pertanian tepat digunakan bagi mendapatkan hasilkan yang tinggi dan berkualiti serta boleh mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan ramai tenaga kerja khususnya tenaga kerja asing.

Selain dari itu, bantuan-bantuan berbentuk peralatan, input-input pertanian dan baka ternakan akan diteruskan serta program-program seminar dan kursus yang berkaitan dengan sektor pertanian akan dipertingkatkan bagi menyampaikan maklumat terkini kaedah-kaeadaah pertanian moden dan lestari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : BIASISWA SAGONG TASI**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan penilaian pelajar yang disenarai pendekkan serta apakah antara perkara yang diberi penekanan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan lebih banyak kaedah membantu anak-anak Orang Asal khususnya dari segi peluang melanjutkan pelajaran?

**JAWAPAN:**

- a) Semua permohonan Biasiswa akan melalui saringan kelayakan dan temuduga. Saringan kelayakan mengambil kira aspek akademik, pendapatan dan tanggungan. Bagi Biasiswa Sagong Tasi, syarat akademik yang ditetapkan adalah minimum di mana pelajar Orang Asal Selangor yang ditawarkan tempat ke IPT adalah layak untuk dipertimbangkan. Seterusnya, proses temuduga akan dijalankan oleh panel yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Professional untuk menilai aspek sahsiah terutamanya personaliti dan kecenderungan pelajar dalam bidang Pengajian yang diikuti. Proses temuduga dapat membantu TKWBNS untuk mengenalpasti pelajar yang berkecenderungan dan berpotensi untuk ditawarkan Biasiswa.
- b) Kerajaan Negeri juga turut memberi bantuan kepada anak-anak orang dalam aspek pembelajaran melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor bermula pada tahun 2020. Program Tuisyen Rakyat telah diperluaskan kepada calon peperiksaan UPSR. Oleh tu, terdapat Sekolah Kebangsaan Orang Asli yang turut serta dalam program seperti berikut :
  - Sekolah Kebangsaan Sungai Bumbun Asli
  - Sekolah Kebangsaan Sungai Judah
  - Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Cheding
  - Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Kemandol
  - Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak
  - Sekolah Kebangsaan. Bukit Lanjan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : TEMPOH PENYEWAAN PREMIS PERNIAGAAN PBT**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk memastikan premis perniagaan di bawah PBT dan sewaannya dilakukan secara mampan?
  - Adakah polisi menggantikan penyewa lama walaupun masih banyak lot kedai yang belum disewa di tempat sama akan diubah?

**JAWAPAN:**

- PBT sentiasa membuat pemantauan ke atas penyewa bagi memastikan penyewa mematuhi perjanjian sewaan supaya kepekaan peniaga terhadap pematuhan undang-undang PBT dapat dipenuhi. Selain itu, PBT membuat penutupan premis sebulan sekali bagi program gotong royong bulanan untuk meningkatkan tahap kesedaran kebersihan di kalangan peniaga. Di samping itu, PBT juga turut membuat pemantauan di kalangan peniaga dari segi penggeredan premis dan kebersihan premis seperti keperluan penggunaan perangkap minyak individu bagi memastikan air yang disalurkan ke longkang sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan.
- Polisi bagi menggantikan penyewa lama akan diubah bagi tujuan memberi ruang kepada penyewa lain dan tidak menjadikan perniagaan tersebut secara turun temurun di premis yang sama. Perkara ini berlaku terutamanya di kawasan strategik dan tempoh sewaan telah melebihi sepuluh tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya masih banyak lot kedai yang belum disewa di tempat yang sama, penyewa akan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan iaitu premis akan diiklankan semula serta dilawatperiksa dan seterusnya penyewa akan menjalani sesi temuduga sebelum dipertimbangkan di samping mematuhi syarat – syarat perjanjian sediada di PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PAPAN IKLAN (BILLBOARD)**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebenarnya polisi PBT seluruh Selangor apabila berkaitan pemasangan iklan oleh ADUN kawasan berupa mesej bukan politik?
- b) Adakah terdapat kuota khusus untuk ADUN bagi memasang mesej mereka di papan iklan gergasi milik PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada polisi khas buat ADUN dalam kawasan pentadbiran PBT Selangor untuk pemasangan iklan berupa mesej bukan politik pada papan iklan luaran milik PBT selagi tiada isu-isu sentitif dipaparkan. Kesemua papan iklan luaran PBT memberi keutamaan untuk kegunaan promosi Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Setakat ini tiada kuota khusus diperuntukan untuk ADUN. Walau bagaimanapun PBT sedia berbincang berhubung perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU JALAN KM11 LALUAN FT31 DENGKIL-BANTING**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri bagi menjaga keselamatan penduduk di jalan tersebut sebelum projek *flyover* mula dibina sepermula diluluskan di bawah RMK-12?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk meningkatkan aspek keselamatan penduduk dan pengguna jalanraya, JKR telah mengambil langkah segera dengan menambahbaik aspek keselamatan di lokasi berkenaan dengan memasang 'Traffic Calming Devices' seperti bonggol, memasang *solar blinking, amber lights*, memasang *road studs*, memasang lampu jalan dan mengecat semula garisan jalan yang telah bermula pada 20 Februari 2020 supaya pengguna jalan lebih peka dan memperlahangkan kenderaan apabila melalui lokasi berkenaan.

Permohonan untuk menaiktaraf jalan ini telah dimohon pada 10 Februari 2020 kepada Caw. Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia di bawah program Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN WANG RIZAB NEGERI**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pengeluaran perbelanjaan wang rizab negeri tahun 2018-2019.
- b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan dalam mengawal dan memastikan rizab negeri dalam keadaan yang stabil dan sihat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pengeluaran perbelanjaan Wang Rizab Kewangan Negeri Selangor di bawah Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018-2019 adalah sebanyak RM195.80 juta.
- b) Usaha dan tindakan Kerajaan di dalam mengawal dan memastikan rizab negeri dalam keadaan sihat dan stabil adalah semua Belanjawan Negeri diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KE KERAJAAN NEGERI**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah dan bentuk peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat tahun 2018-2019.
  - Apakah bentuk perbelanjaan yang menggunakan peruntukan pusat berbanding peruntukan negeri?
  - Apakah sasaran pendapatan peruntukan pusat kepada negeri untuk tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- Jumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 sehingga 2019 adalah berjumlah **RM1.538 bilion**. Jumlah yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM746,050,759.87 manakala bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM792,695,627.30. Perincian penerimaan peruntukan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**.

Dalam pada itu, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat** bagi tahun 2018 sehingga 2019 adalah berjumlah **RM86.324 juta**. Jumlah yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM42,769,548.84 manakala bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM43,554,631.10. Perincian penerimaan peruntukan berkenaan adalah seperti di **Lampiran B**.

- Bentuk terimaan Pemberian Persekutuan yang mempunyai perbelanjaan spesifik menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:
  - Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 akan digunakan bagi pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan Jalan Negeri mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri;

- ii. Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) akan digunakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri Selangor dan pemberian ini disalurkan berasaskan tuntutan ke atas kos perbelanjaan pembangunan;
- iii. Pemberian Cukai Pelancongan bagi membantu Kerajaan Negeri menyenggara dan menyediakan kemudahan pelancongan, mempromosi dan memasarkan destinasi pelancongan serta menambahbaik pelaporan statistik pelancongan di Negeri Selangor berdasarkan Garis Panduan Pemberian Cukai Pelancongan; dan
- iv. Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-kampung Baru akan digunakan oleh Pejabat Daerah/Tanah dalam perbelanjaan Mengurus untuk membayar Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.
- v. Manakala, bagi terimaan Pemberian Persekutuan yang lain akan diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudiannya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan). Terimaan Pemberian Persekutuan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
  - a) Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
  - b) Pemberian Pembentukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%);
  - c) Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor;
  - d) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan; dan
  - e) Pemberian Pertambahan Hasil.

Sehingga 31 Disember 2019, peratus perbelanjaan keseluruhan Belanja Mengurus dan Pembangunan adalah sebanyak 94.61% daripada RM2.68 bilion yang diperuntukkan.

- c) Anggaran terimaan Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 dianggarkan berjumlah **RM767,234,638.00**. Perincian seperti jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Pemberian Persekutuan</b>	<b>Anggaran Terimaan Tahun 2020 (RM)</b>
1.	Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	525,000,000.00
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	18,429,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	75,000,000.00
4.	Pembentukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	79,500,000.00
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor -Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	25,805,638.00
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	3,500,000.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	30,000,000.00
8.	Pemberian Cukai Pelancongan	10,000,000.00
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>		<b>767,234,638.00</b>

**LAMPIRAN B**

Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agenzi terlibat** bagi tahun 2018-2019

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Jabatan/ Agenzi Terlibat	Terimaan Tahun 2018 (RM)	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Jumlah Keseluruhan Terimaan 2018-2019 (RM)
1.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan	Hasil	i) Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT)	4,467,742.65	3,571,174.00	8,038,916.65
			ii) Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS)	9,496,787.30	9,496,787.30	18,993,574.60

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Jabatan/ Agensi Terlibat	Terimaan Tahun 2018 (RM)	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Jumlah Keseluruhan Terimaan 2018-2019 (RM)
2.	Pemberian 50% Bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) daripada Kerajaan Persekutuan	Hasil i) MBSA ii) MBPJ iii) MPAJ iv) MPKj v) MPK vi) MPS vii) MPSj viii) MDHS ix) MDKL x) MDKS xi) MDSB  Amanah i) MPSp	12 Pihak Berkuasa Tempatan	28,805,018.89	30,486,669.80	59,291,688.69
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>				<b>42,769,548.84</b>	<b>43,554,631.10</b>	<b>86,324,179.94</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RIZAB HUTAN SIMPAN NEGERI SELANGOR**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan keseluruhan hutan simpan di Negeri Selangor mengikut daerah dan DUN?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan mana-mana kawasan hutan simpan? jika ada, nyatakan di mana?
- c) Apakah proses dan prosedur jika sesebuah kawasan hutan simpan itu ingin dibangunkan?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini, keluasan keseluruhan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di Negeri Selangor adalah berjumlah  $\pm 250,207.52\text{ha}$ . Ini adalah bersamaan dengan 31.7% daripada keluasan tanah negeri. Senarai HSK yang telah diwartakan ini adalah seperti di Lampiran I.
- b) Kerajaan Negeri Selangor adalah sentiasa komited untuk mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Selangor sebanyak tidak kurang 30% daripada keluasan tanah negeri selaras dengan keputusan MMKN Ke-45/2014 bertarikh 19 November 2014. Malahan, beberapa usaha sedang dilaksanakan bagi menambah keluasan HSK di Negeri Selangor dengan mengenal pasti dan mewartakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dijadikan HSK.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium Ke Atas Pembalakan selama 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalanraya, bekalan air dan sebagainya. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk membangunkan mana-mana kawasan HSK melainkan terdapat permohonan daripada pihak-pihak tertentu.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menerima beberapa permohonan daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuklah dari Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek pembangunan melibatkan kawasan HSK. Antara projek pembangunan yang ingin dilaksanakan adalah:

- i. Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan kawasan HSK Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas, seluas  $\pm$ 9.6ha (sepanjang  $\pm$ 3.2 km) dan HSK Jugra Kelompok II, Mukim Jugra seluas  $\pm$ 0.15ha (sepanjang  $\pm$ 2-50 meter);
  - ii. Projek Membina Jalan Dari Jambatan Sungai Sepang Bagi Menghubungkan Kampung India, Bukit Pelandok, Port Dickson Dengan Bandar Sungai Pelek, Sepang, Selangor (RP3, Tahun 2018, RMK11) melibatkan kawasan HSK Kuala Sepang, Mukim Sepang seluas  $\pm$ 1.37ha;
  - iii. Penyelesaian ke atas permohonan pelupusan secara pemberimanikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 melibatkan sebahagian tanah HSK Bukit Lagong (Kompartmen 19) seluas  $\pm$ 28.3ha bagi tujuan pembangunan dengan penggantian; dan
  - iv. Permohonan pelupusan secara pemberimanikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 melibatkan HSK Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas seluas  $\pm$ 931.17ha.
- c) Pada dasarnya, sesuatu projek pembangunan yang melibatkan mana-mana kawasan HSK akan diteliti sebaik mungkin sebelum projek tersebut diluluskan. Aspek-aspek penelitian ini termasuklah kewajaran untuk kawasan yang terlibat untuk dinyahwarta sebagai HSK dengan melibatkan Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam Negeri Selangor 2014, mengenalpasti kepentingan nilai-nilai pemeliharaan biodiversity melibatkan flora dan fauna, penilaian faktor pembangunan ekonomi dan sosial, penyediaan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PARKIR BERBAYAR MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah pendapatan dari pelaksanaan parkir berbayar pada 2019.
  - Nyatakan jumlah saman yang dikeluarkan dan berapakah peratusan saman yang dijelaskan oleh pengguna?

**JAWAPAN:**

- Jumlah pendapatan dari pelaksanaan parkir berbayar yang baru bermula mulai 1 September 2019 hingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Jumlah hasil sewa TLK	<b>322,789.68</b>
Jumlah Hasil Kompaun	<b>217,090.00</b>
Jumlah petak khas	<b>18,000.00</b>
JUMLAH	<b>557,879.68</b>

- Jumlah saman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 38,555 saman dan 46% saman telah dijelaskan oleh pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : MINUMAN BERALKOHOL (ARAK)**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengharamkan minum arak di tempat awam bagi memastikan keselesaan dan keselamatan orang ramai?
- b) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal insiden disebabkan pemabuk seperti pergaduhan dan kemalangan dari berulang lagi.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan PDRM dan PBT dalam pengawasan dan pemantauan kawasan tempat awam demi keselesaan dan keselamatan orang ramai. Pengguna tempat awam telah diingatkan supaya sentiasa menjaga etika dan ketenteraman awam melalui Papan Tanda yang diletakkan di Taman Awam (UUK). Dalam usaha untuk mengatasi kacau ganggu di tempat awam berlaku, Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah dengan menjalankan rondaan pemantauan di lokasi-lokasi tempat awam dan jika terdapat berlaku kacau ganggu akibat mabuk, anggota akan melaporkan kepada pihak PDRM untuk tindakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SISTER IN ISLAM (SIS)**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap SIS yang masih aktif walaupun telah difatwakan haram oleh MAIS pada 2014?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pergerakan SIS tidak menganggu gugat keharmonian di negeri ini?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan Kerajaan Negeri terhadap SIS yang masih aktif walaupun telah difatwakan haram oleh MAIS pada 2014 adalah seperti berikut:
  1. Fatwa pengharaman pemikiran liberalisme dan pluralisme telah diwartakan pada 31 Julai 2014 dan memberi kesan secara langsung kepada gerakan SIS Forum (Malaysia) ("SIS"). Namun, pihak SIS telah memulakan tindakan semakan kehakiman di Mahkamah sivil bagi mencabar kesahan fatwa tersebut.
  2. Terkini, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak semakan kehakiman pihak SIS dan memutuskan isu fatwa mempunyai kaitan dengan Undang-undang Syariah dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif di bawah Mahkamah Syariah. Mahkamah juga mendapati bahawa keputusan dalam pengeluaran fatwa tersebut tidak dicemari dengan tindakan yang menyalahi undang-undang.
  3. SIS telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tersebut di Mahkamah Rayuan Putrajaya dan telah mendapatkan perintah penggantungan penghakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dari Mahkamah Rayuan Putrajaya pada 23 Januari 2020. Kesannya, penguatkuasaan fatwa tersebut digantung sementara terhadap SIS sementara prosiding rayuan didengar dan diputuskan secara muktamad.
  4. Pihak MAIS akur terhadap perintah bertarikh 23 Januari 2020 oleh Mahkamah Rayuan dan menangguhkan apa-apa penguatkuasaan tindakan

undang-undang yang berkemungkinan terhadap SIS berhubung pelanggaran fatwa tersebut sehingga rayuan SIS di peringkat Mahkamah Rayuan selesai.

5. MAIS juga telah mengarahkan agensi-agensi agama di bawah MAIS dengan jalinan kerjasama JAIS untuk menambah baik program-program dakwah secara terancang dan tersusun untuk dilaksanakan pada tahun ini bagi memberikan kefahaman agama kepada masyarakat Islam mengenai teras pegangan Ahli Sunah Wal Jemaah dan bahaya fahaman liberalisme dan pluralisme agama.
  6. JAIS melalui Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan sentiasa membuat pemantauan rapat terhadap aktiviti-aktiviti SIS Forum yang kebanyakannya dilaksanakan di Kuala Lumpur. Bahagian ini juga akan terus proaktif mengambil tindakan perundungan terhadap mana-mana orang Islam, pertubuhan atau syarikat yang melanggar fatwa tersebut bagi membendung perkembangan fahaman ini di Negeri Selangor.
- b) Bagi memastikan pergerakan SIS tidak mengganggu gugat keharmonian di negeri ini, pihak JAIS akan terus memantau pergerakan dan aktiviti SIS dari semasa ke semasa khususnya di Negeri Selangor sama ada wujud pelanggaran fatwa tersebut atau sebaliknya. Pihak JAIS bertegas akan menggunakan saluran undang-undang sedia ada bagi apa-apa kesalahan pelanggaran fatwa tersebut. JAIS juga komited untuk membendung penularan dan perkembangan fahaman liberalisme dan pluralisme di Negeri Selangor bukan sahaja terhadap pertubuhan dan anggota SIS, malah mana-mana orang Islam yang melanggar fatwa tersebut akan berdepan dengan tindakan pendakwaan di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RUMAH PEMILIKAN ASING**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah peningkatan rumah pemilikan asing selepas Kerajaan Negeri menurunkan syarat pemilikan.
- Bagaimakah Kerajaan Negeri mengawal pemaju dari membina rumah mewah sehingga menyebabkan berlaku lambakan?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 1/2020 bertarikh 8 Januari 2020 telah menimbang dan bersetuju untuk melaksanakan satu (1) program khas berkenaan penjualan harta tanah kepada warganegara asing bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Program Khas tersebut merangkumi perkara-perkara seperti berikut;

- Kenaikan kuota daripada 10 peratus kepada 20 peratus daripada kuota/unit Bukan Bumiputera bagi keseluruhan kelulusan pembangunan;
- Harta tanah kediaman berstatus *Leasehold* sahaja;
- Penurunan paras harga minimum daripada RM2,000,000.00 kepada RM1,500,000.00 bagi harta tanah jenis Strata termasuk *Landed Strata*;
- Penetapan paras harga minimum bagi harta tanah jenis *Landed* adalah bernilai RM2,000,000.00 dan terhad kepada unit banglo, Semi-D dan unit-unit yang belum terjual sehingga 2018; dan
- Unit-unit yang terlibat adalah unit-unit yang tidak terjual dan telah mendapat kelulusan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sehingga tahun 2018 sahaja dan dengan pengenaan tempoh pajakan selama 60 tahun dengan sekatan kepentingan oleh Pihak Berkuasa Negeri

Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya terdapat satu (1) permohonan yang diterima di daerah Kuala Selangor.

b) **LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan secara terperinci segala program dan projek beserta jumlah peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor pada 2019.
- Nyatakan peratusan perbelanjaan dari keseluruhan peruntukan tersebut.

**JAWAPAN:**

- Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah sebanyak **RM792,695,627.30** dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat** adalah sebanyak **RM43,554,631.10** dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Di bawah peruntukan pembangunan, sebanyak RM9,000,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 dalam bentuk pinjaman melalui Projek Bekalan Air dengan kos projek yang berjumlah RM158,300,000.00 bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 – 2020. Daripada jumlah RM9,000,000.00 tersebut, sebanyak RM8,559,064.01 telah dibelanjakan dengan mencatatkan peratusan perbelanjaan sebanyak 95.1%.

- Perbelanjaan daripada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
  - Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah sebanyak RM537,084,765.00 diakaunkan di bawah **Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri** dan perbelanjaan bagi pemberian ini adalah sebanyak RM555,620,042.53 atau 103%;

- ii. Bagi Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP), Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak RM18,429,000.00 pada tahun 2019 (mengikut siling yang telah ditetapkan). Pemberian ini diakaunkan di bawah **Kumpulan Wang Pembangunan Negeri** dan ia termasuk di dalam keseluruhan peruntukan Pembangunan pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM1.403 bilion;
- iii. Pemberian Cukai Pelancongan yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah sebanyak RM10,302,420.00 dan perbelanjaan bagi pemberian ini adalah sebanyak RM7,297,234.00 atau 70.83% mengikut **Garis Panduan Pemberian Cukai Pelancongan**; dan
- iv. Bagi Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-kampung Baru, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak RM1,559,250.00 pada tahun 2019 dan pemberian ini digunakan sepenuhnya oleh Pejabat Daerah/Tanah dalam perbelanjaan Mengurus membayar **Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung**.
- v. Bagi terimaan Pemberian Persekutuan yang lain akan diakaunkan ke dalam **Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor** dan perbelanjaan adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan), seperti berikut:
  - f) Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
  - g) Pemberian Pembentukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%);
  - h) Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor;
  - i) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan; dan
  - j) Pemberian Pertambahan Hasil.

Sehingga 31 Disember 2019, peratus perbelanjaan keseluruhan Belanja Mengurus dan Pembangunan adalah sebanyak 94.61% daripada RM2.68 bilion yang diperuntukkan.

Manakala, bagi Pemberian Persekutuan yang disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat seperti Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT), Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS) dan Pihak Berkuasa

Tempatan Selangor (PBT), kesemua Pemberian Persekutuan berjumlah RM43,554,631.10 telah habis dibelanjakan pada tahun 2019. Rujuk **Lampiran B** untuk perincian.

## LAMPIRAN A

**Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan  
Negeri Selangor pada tahun 2019**

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta Perlembagaan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Perbelanjaan Tahun 2019 (RM)	Peratus Belanja (%)
1.	Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Amanah	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kerja Raya (ii) Pihak Berkuasa Tempatan (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iv) Pejabat Daerah dan Tanah	537,084,765.00	555,620,042.53	103.00%
2.	Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Amanah	Perkara 109(6), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Agama Islam Selangor (ii) Jabatan Pertanian (iii) Jabatan Kerja Raya (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran (v) Pihak Berkuasa Tempatan (vi) UPEN (Pembangunan) (vii) Pejabat Daerah dan Tanah	18,429,000.00	Pemberian ini diakaunkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan ia termasuk di dalam keseluruhan peruntukan Pembangunan pada tahun 2019 sebanyak RM1.403 bilion.	
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	Hasil	Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan	Terimaan dua kali setahun	75,249,480.00	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudiannya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan)	

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta Perlembagaan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Perbelanjaan Tahun 2019 (RM)	Peratus Belanja (%)
4.	Pemberian Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%)	Hasil	Senarai III – Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perkara 82, Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kebajikan Masyarakat (ii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iv) Majlis Sukan Negeri Selangor (v) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	79,622,811.30	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudiannya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan)	
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor -Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	Hasil	Perjanjian Kuala Lumpur 1 Feb. 1974  Perjanjian Putrajaya 20 Julai 1995	Terimaan sekali setahun	25,805,638.00	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudiannya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan)	
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	Hasil	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kerja Raya (ii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iii) Jabatan Pertanian (iv) Pihak Berkuasa Tempatan (v) Pejabat Daerah dan Tanah (vi) UPEN (Pembangunan)	9,933,445.00	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudiannya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan)	

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta Perlembagaan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Perbelanjaan Tahun 2019 (RM)	Peratus Belanja (%)
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	Hasil	Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	Terimaan sekali setahun berdasarkan prinsip ' <i>revenue sharing</i> '	34,708,818.00	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan kemudianya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan)	
8.	Pemberian Cukai Pelancongan	Hasil	Akta Cukai Pelancongan 2017	Terimaan sekali setahun	10,302,420.00	7,297,234.00	70.83%
						Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan mempunyai tujuan khusus mengikut Garis Panduan Pemberian Cukai Pelancongan. Ia kemudianya dibelanjakan melalui Vot Mengurus dan Pembangunan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan.	
9.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-kampung Baru	Hasil		Terimaan sekali setahun	1,559,250.00	Pemberian ini diakaunkan sebagai hasil negeri dan mempunyai tujuan khusus bagi pembayaran Elaun MPKK Kampung-kampung Baru. Ia kemudianya dibelanjakan melalui Vot Mengurus berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan).	
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>					<b>792,695,627.30</b>		

**LAMPIRAN B**

Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agenzi terlibat** pada tahun 2019

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jabatan/ Agenzi Terlibat	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Perbelanjaan Tahun 2019 (RM)	Peratus Belanja (%)
1.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan	iii) Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT)	3,571,174.00	3,571,174.00	100.00%
		iv) Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS)	9,496,787.30	9,496,787.30	100.00%
2.	Pemberian 50% Bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) daripada Kerajaan Persekutuan	12 Pihak Berkuasa Tempatan	30,486,669.80	30,486,669.80	100.00%
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>			<b>43,554,631.10</b>	<b>43,554,631.10</b>	<b>100.00%</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : JAJARAN PROJEK LEBUH RAYA PANTAI BARAT (WCE) LALUAN  
DARIPADA RAJA MUSA KE TANJONG KARANG**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan laluan sebenar jalan jajaran daripada Projek WCE yang akan dilaksanakan daripada Raja Musa ke Tanjung Karang.
- b) Senaraikan jumlah lot-lot tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah tersebut mengikut keluasan tanah dan mengikut kampung-kampung yang terlibat.

**JAWAPAN:**

- a) Laluan sebenar jalan jajaran daripada Projek WCE yang akan dilaksanakan daripada Raja Musa ke Tanjung Karang adalah sama seperti mana jajaran di dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya WCE. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-24/2018 pada 8 Ogos 2018 mengambil maklum bahawa Mesyuarat Panel Laporan SIA di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah meluluskan Laporan Terperinci Kajian SIA, Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE), Seksyen 7 (Persimpangan Bertingkat Assam Jawa ke Persimpangan Bertingkat Tanjung Karang iaitu 10 km terakhir) yang mengesyorkan pembinaan Opsyen 1 iaitu seperti mana jajaran di dalam perjanjian konsesi.
- b) Jumlah lot-lot tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah di Seksyen 7 (Persimpangan Bertingkat Assam Jawa ke Persimpangan Bertingkat Tanjung Karang iaitu 10 km terakhir) adalah sebanyak 176 lot yang telah digazetkan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah, APT 1960 pada 30 Januari 2020. Senarai lot-lot mengikut keluasan tanah adalah seperti di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor di Lampiran.